

## **Menteri: Jawatankuasa siasat kematian peserta PD triathlon**

**Malaysiakini**

**15 Julai 2018**

Satu jawatankuasa akan ditubuhkan bagi menyiasat kes kematian seorang peserta Port Dickson International Triathlon.

Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman berkata jawatankuasa itu akan diketuai oleh Ketua Setiausaha kementerian Datuk Lokman Hakim Ali.

"Jawatankuasa ini akan melihat sekiranya berlaku apa-apa yang bercanggah atau yang tidak dipenuhi dari segi undang-undang dan kami akan maklumkan kepada media," katanya kepada pemberita di Port Dickson, hari ini.

Syed Saddiq berkata siasatan itu juga akan melihat dari segi keselamatan oleh pihak penganjur Port Dickson International Triathlon termasuk kelulusan daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

"Sebab itu kena tunggu keputusan jawatankuasa sebab kita kena tengok kalau ada apa-apa syarat yang tidak dipenuhi dan kalau tiada akan ada tindakan susulan tapi perlu adakan dahulu jawatankuasa ini," katanya.

Dalam pada itu, Syed Saddiq merakamkan ucapan takziah kepada keluarga

mendiang Thram Wei Wong, 39, yang lemas ketika menyertai acara renang pada kejohanan Port Dickson International Triathlon, pagi ini.

Terdahulu, Menteri Belia dan Sukan meluangkan masa kira-kira 25 minit mendengar taklimat dan menziarah keluarga terdekat Thram di unit forensik Hospital Port Dickson (HPD).

Beliau kemudian turut meninjau lokasi kejadian sambil diiringi Pengarah Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan, Norazam Khamis.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/434294>